

30 JAN 2003

Abdullah-Pendidikan/I

PENDIDIKAN SEKULAR SIGNIFIKAN BAGI MASA DEPAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pendidikan sekular adalah signifikan dalam kurikulum persekolahan demi masa depan negara.

"Ianya amat, amat signifikan. Dan kami melalui tempoh yang mencabar cuba untuk meyakinkan rakyat bahawa kita mesti melakukannya demi masa depan Malaysia...untuk lebih kompetitif. Kami perlu (melakukannya)... kami tidak boleh mengetepikan begitu sahaja," katanya dalam wawancara yang disiarkan menerusi CNBC TV malam ini.

Beliau berkata perubahan telah dilakukan berikutan situasi yang memerlukan kurikulum itu ditukar.

Semasa ditanya sama ada pendidikan sekular perlu membentuk majoriti kurikulum sekolah di Malaysia, Abdullah berkata masyarakat Islam tidak sukakan idea mengenai sesuatu yang sekular.

"Saya memberitahu anda bahawa ianya tidak sekular. Ianya tidak sekular dari segi bahawa di sekolah-sekolah kami, kami ada menyediakan pengajaran al-Quran dan Hadis serta subjek-subjek lain," kata beliau lagi.

Abdullah berkata terdapat banyak perdebatan bahawa sistem pendidikan di Malaysia tidak cukup Islam.

"Jawapan saya dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ialah ianya bukan sebuah sistem Islam dan jika ianya merupakan sistem Islam, maka (pelajar) bukan Islam tidak akan pergi ke sekolah," kata beliau.

Beliau berkata sekiranya berlaku demikian, sekolah-sekolah kebangsaan akan ditinggalkan oleh bukan Islam.

Abdullah berkata keseimbangan perlu ada antara pelbagai subjek yang ditawarkan di sekolah-sekolah kebangsaan.

"Kami tidak boleh menjadikan semuanya wajib...Kami tidak boleh mengajar segala-galanya semasa mereka di sekolah rendah. Kami tidak boleh mengajar segala-galanya semasa mereka di sekolah menengah," kata beliau lagi.

Abdullah berkata sesetengah pihak memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama kerana mereka merasakan bahawa mereka boleh mendapat lebih lagi dari sekolah-sekolah seperti itu.

-- BERNAMA

MUN MUN ROS